

**NO. SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9349**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tentang keputusan Jabatan Imigresen merampas harta benda majikan yang mengupah pekerja asing tanpa permit :-**

- (a) apakah rasional keputusan ini dan bukankah Kerajaan juga bertanggungjawab ke atas kewujudan pekerja asing tanpa permit; dan
- (b) adakah keputusan ini telah dapat kelulusan dari kabinet.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mempunyai peruntukan undang-undang melalui Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLATFA 2001 - Jadual II). Majikan yang melakukan kesalahan di bawah Sek. 56(1) Akta Imigresen 1956/63 dan Akta Pasport 12(1) 1966 boleh dikenakan tindakan pembekuan dan penyitaan harta benda. Jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dalam negara adalah sukar untuk dipastikan. Statistik JIM mengenai isu PATI dalam negara adalah pada kadar 3:1 iaitu setiap 4 orang yang diperiksa terdapat 1 orang PATI di dalam operasi yang dilaksanakan oleh JIM.**

**Keputusan yang dilaksanakan oleh JIM tersebut tidak perlu mendapatkan kelulusan daripada Jemaah Menteri kerana telah mempunyai peruntukan di bawah AMLATFA 2001.**

**Dalam tindakan penguatkuasaan untuk mengawal keberadaan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), Kerajaan pada ketika ini menggunakan pendekatan Operasi Bersepadu dalam melaksanakan operasi penguatkuasaan yang turut diperkasakan dengan pelaksanaan Pelan PATI Secara Holistik yang bertujuan untuk mewujudkan satu ekosistem tidak selesa kepada PATI untuk meneruskan kehidupan sehari-hari mereka.**

**Antara kekuatan Pelan ini adalah mengoptimumkan sumber sedia ada melalui Prinsip Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan seterusnya Pihak Berkuasa Tempatan. Pelan ini turut menekankan kesedaran masyarakat setempat berhubung kesalahan dan hukuman yang dikenakan terhadap majikan yang memberi perlindungan dan menggaji PATI.**

**Selain itu, aktiviti naziran oleh Jabatan Imigresen Malaysia ke atas premis-premis yang menggaji pekerja asing turut dilakukan dari semasa ke semasa bagi mengesan warga asing serta majikan yang melakukan kesalahan imigresen.**